


ISSUE #55/21 SEPTEMBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



POLIS EVO
KEKAL KUKUH 10 TAHUN

POLIS EVO

Ulang tahun ke-10 Polis Evo menandakan sudah satu dekad francais aksi kepolisan terbitan Astro Shaw telah mencipta legasi kukuh dalam industri profileman Malaysia.

Kejayaan tiga filem di bawah francais ini membuktikan Polis Evo telah mengangkat ‘standard’ filem tempatan melalui kekuatan penceritaan, kualiti visual, strategi pemasaran yang kreatif serta kutipan box-office yang memberangsangkan.

Watak ikonik Shaheizy Sam sebagai Inspektor Khai dan Zizan Razak sebagai Inspektor Sani ternyata masih menjadi impak hingga ke hari ini.

Sejak filem pertama ditayangkan pada 2015, Polis Evo melakar sejarah sebagai satu-satunya francais filem tempatan yang masih diteruskan dalam tempoh satu dekad dan kesemuanya mencatat kutipan box office luar biasa.

Filem pertama, Polis Evo (2015), mencatat filem nombor satu di Malaysia tahun tersebut dengan kutipan RM17.8 juta.

Polis Evo 2 (2018) meneguhkan lagi statusnya sebagai sekuel aksi tempatan terlaris dengan kutipan RM22.45 juta.



Manakala Polis Evo 3 (2023) sekali lagi mencatat sebagai filem nombor satu di Malaysia tahun itu dan kini tersenarai dalam Top 5 filem tempatan dengan kutipan tertinggi, RM54 juta.

Malah francais ini telah membuka ruang besar buat penulis dan pencetus idea asal seperti Joel Soh, Kyle Goonting dan Anwari Ashraf, yang bermula bersama Polis Evo sebelum berkembang menjadi antara pengarah dan penulis berpengaruh.

Turut membina nama bersama Francois ini termasuklah penulis dan penerbit seperti Abhilash Chandra, Syafiq Yusof, Andre Chiew, Ghaz Abu Bakar dan ramai lagi.

Polis Evo juga menjadi lonjakan karier untuk ramai pelakon yang terus bersinar selepas penglibatan mereka dalam Francois ini.





KEKUATAN INSPEKTOR SANI

Dalam suasana penuh nostalgia dan penghargaan, ulang tahun ke-10 filem Polis Evo disambut meriah, namun bagi tunggang utamanya, Zizan Razak, momen ini juga turut menyentuh hati.

Menyelami isi hatinya, Zizan yang dikenali ramai sebagai pelawak dan penghibur serba boleh, mengakui bahawa Polis Evo bukan sekadar filem biasa dalam portfolionya.

Sebaliknya filem terbitan Astro Shaw itu merupakan satu titik perubahan besar dalam kerjayanya sebagai seorang pelakon.

"Saya sebak sebab tak sangka, sedar-sedar Polis Evo sudah 10 tahun. Saya rasa seperti baharu sahaja lagi. Masa berlalu tanpa saya sedar."

"Saya rasa antara filem terbaik yang pernah saya buat adalah Polis Evo. Filem yang membuka ruang kepada saya juga untuk orang yakin yang saya ini boleh berlakon dan bukan hanya sekadar melawak," ujarnya.

Tambah Zizan lagi, penghargaan terbesar bukanlah sekadar pencapaian komersial tetapi pengiktirafan dalam dunia lakonan.

"Polis Evo juga merupakan antara filem yang membuatkan saya tercalon dalam FFM (Festival Filem Malaysia)."

"Walaupun tidak menang tetapi saya rasa sudah cukup untuk saya. Bermakna orang nampak saya boleh berlakon," katanya.



IMPAK INSPEKTOR KHAI

Bagi pelakon utamanya selain Zizan iaitu Shaheizy Sam pula, banyak impak dan pengorbanan yang dilakukan demi menyempurnakan watak Inspektor Khai.

Malah Sam juga menyatakan rasa syukur kerana hasil penat lelah sepanjang bersama francais ini memberikan impak besar.

"Inspektor Khai sangat besar maknanya untuk saya, satu watak yang orang sangat adore, dari segi ketangkasian, penampilan, look dan sebagainya.

"Bagi saya ini merupakan satu peluang dan saya juga kena ambil usaha utnuk pastikan saya nampak bagus untuk karakter itu.

"Supaya kita nampak value yang produser sudah letakkan pada watak Khai itu sendiri. Banyak sebenarnya benda yang kita taruhkan pada inspektor khai.

"Saya juga berharap agar jenama Polis Evo ini akan bertahan sekiranya ada lagi untuk yang seterusnya," ujarnya.

Impak Hidup Selebriti Buka Tudung, Hilang Kerja & Dicemuh

Dalam penghijrahan atau sesuatu perkara menuju kebaikan, hal yang paling ditakutkan adalah istiqamah. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, definisi istiqomah adalah ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-terusan termasuk dalam urusan agama.

Namun sebagai manusia yang sentiasa iman diuji, ramai yang terkandas dalam pelayaran istiqomah menuju kebaikan. Antara yang menjadi buah mulut saat ini adalah tindakan segelintir artis membuka tudung dengan alasan tersendiri.



Putri Dahlia

Perlu diakui, sebelum mengambil keputusan membuka tudung, masih belum ramai yang mengenali Putri Dahlia. Namun kini, di internet, nama Putri Dahlia adalah individu yang paling ramai dicari.

Putri Dahlia adalah seorang penyanyi muda berusia 21 tahun. Dia juga merupakan anak kepada penyanyi Dato' Nora Ariffin dan Allahyarham Johan Nawawi.

Namanya kini menjadi kontroversi selepas tindakan membuka tudung dan tampil dengan imej baharu di majlis Anugerah Industri Muzik 2025 baru-baru ini.

Lebih menjadi kontroversi selepas gadis yang mengaku memakai tudung sejak usia 6 tahun ini tidak lagi berbuat demikian kerana mahu mencari perjalanan hidup baharu.

Tidak kisah dikecam, kenyataan yang dikeluarkan Putri Dahlia iaitu 'rasa lebih dekat dengan Allah selepas tidak bertudung' turut meninggalkan polemik - keimbangan dalam kalangan ahli agama mengenai kecenderungan meninggalkan suruhan Allah atau kewajiban dan menyebarkannya.



Marshanda

Bintang Indonesia, Marshanda baru-baru ini mendedahkan keputusan dirinya membuka tudung pada tahun 2014 lalu.

Tanpa berselindung, pelakon dan penyanyi yang memiliki penyakit kesihatan mental itu mengatakan membuka tudung kerana rasa resah ingin mengetahui tentang agama.

"Pertama kali dalam hidupku aku, apa ya, penasaran soal spiritual, soal agama dan sebagainya. Jadi saya memutuskan untuk buka tudung," akunya dalam satu temubual di sebuah akaun YouTube seperti dilaporkan Suara.com.

Natijahnya, dia kehilangan banyak tawaran kerana dilabel sebagai seorang yang penuh kontroversi dan 'dibenci' masyarakat kerana tidak wajarnya itu.

Dalam temu bual sama, Marshanda mengaku sampai tidak memiliki duit untuk hidup kerana tiada peluang berlakon dan menyanyi. Dia pun menyifatkan insiden itu sebagai titik tergelap dalam hidupnya.



Nelydia Senrose

Pelakon cantik Nelydia Senrose memakai tudung buat pertama kali pada tahun 2016 ketika menghadiri majlis penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Pahang kepada suaminya di Istana Abdulaziz, Kuantan.

Namun sejak beberapa bulan terakhir di tahun 2024, Nelydia mula dilihat tidak lagi memakai tudung.

Dan kini, meski menerima banyak cemuhan, wanita itu sepenuhnya tidak lagi bertudung serta kembali aktif berlakon.

Nelydia bagaimanapun mengambil langkah matang dengan tidak menjelaskan keputusannya kembali memperlihatkan aurat rambutnya kepada umum.

Sebaliknya, dengan penuh pengharapan, pelakon berusia 31 tahun ini meminta khalayak mendoakan dirinya kembali terbuka hati bertudung dan menutup aurat semula pada masa akan datang.

- MALIAH SURIP



Fattah + Amira - Fazura = Netizen Kerja ‘Overtime’

Sudah satu minggu berlalu namun bahangnya masih terasa sehingga kini. Bukan ‘kebakaran’ tapi parameter hangat pernikahan Fattah Amin dengan Amira Othman yang dirasai hingga kini.

Padahal merpati dua sejoli itu sudah pun meraikan kejayaan cinta mereka yang bersatu sah dengan sekali lafadz akad di Switzlend. Namun kisah kehidupan mereka masih menjadi pusat perhatian netizen.

Tentu sahaja ‘kebakaran’ berpunca daripada banyaknya informasi tepat dan tidak tepat yang dilihat, didengar apa lagi di baca di pelbagai platform media sosial.

Ia sudah bermula sejak pelakon yang bercerai dengan aktres Fazura pada tahun lalu akrab dengan Amira Othman. Keakraban mereka yang sudah dihidu lebih daripada persahabatan biasa itu bagaimanapun sering dinafikan keduanya.

Fattah dan Amira hanya ‘rakan sekerja’ — sehingga tanggal 14 September keduanya menghalalkan hubungan sebagai suami isteri.

ejak beberapa hari sebelum pernikahan membawa kepada detik bersejarah dua hati disatukan sehingga kini, netizen telah membuat ‘overtime’ yang sudah ‘overdue’.

Semua benda digali keluar, semua hal dikritik dan diberi pendapat. Sehingga anak kecil tak berdosa hasil pernikahan Fattah dan Fazura sebelum ini, Fatima yang hadir dan ‘melekat’ bersama bapanya sepanjang majlis dengan Amira turut menjadi mangsa.

Sungguh, sebenarnya apa yang cuba dicari atau disampaikan oleh para netizen terhadap kehidupan peribadi Fattah - Amira - Fazura ini?

Kemarahan? Perasaan tidak puas hati? Terpaling tahu segala? Terpaling menyampah? Empati? Simpati? Takut ketinggalan dalam isu yang sedang meledak?

Sebenarnya apa yang memicu ramai netizen kerja overtime sehingga ada yang memakan diri sendiri.

Kerana setakat artikel ini ditulis, dapat dilihat Fazura meneruskan kehidupan seperti biasa.

Pasangan pengantin baharu, Fattah dan Amira juga menjalani fasa hidup berdua seperti biasa.

Kalau ada pun nanah dan luka, mereka sorok sebaik dan serapat mungkin kerana ketiga-tiganya tidak mahu terjebak menjadi netizen yang sibuk overtime tanpa membawa pulangan kepada diri masing-masing. - MALIAH SURIP





Pengarah: Pritagita Arianegara

Pelakon: Marsha Timothy, Darius Sinathyra, Widyawati, Hannah Al Rashid, Aimee Saras

Genre: Drama

SLyora : Penantian Buah Hati adaptasi kisah benar perjuangan Meutya Hafid yang mengisahkan tentang Meutya (Marsha Timothy) dan suaminya Fajrie (Darius Sinathyra) untuk mendapatkan seorang anak melalui program kehamilan seperti tabung bayi (IVF). Filem ini akan menunjukkan perjuangan mereka menghadapi liku-liku kehidupan, kegagalan dan tiga kali keguguran dalam setahun.



Pengarah: Shanhey Kumar Perumal

Pelakon: Karnan Kanapathy, Kuben Mahadevan, Irfan Zaini, Fabian Loo, Susan Lankester

Genre: Jenayah/Thriller

Di sebalik dunia gelap sebuah negara fiksyen bernama Lingapura, seorang pengedar dadah terdesak berdepan kemarahan ketua sindiket kejam selepas kehilangan bekalan bernilai tinggi. Dalam detik masa yang kian menghimpit, dia terpaksa memulakan perjalanan penuh tegang bersama sahabat setia dan seorang individu asing dengan harapan dapat melunaskan hutangnya. Namun, apabila perjalanan itu semakin hilang kawalan, dia terseret ke kancang kegelapan yang meragut kewarasan.



Pengarah: Ramdan Che Hassan

Pelakon: Sophia Al Barakbah, Jaa Suzuran, Afieq Shazwan, Zalif Sidek, Azhar Sulaiman, Maria Farida, Azri Iskandar

Genre: Sains Fiksyen

Mengisahkan tentang seekor cicak salamander bernama Abu yang dibela Zaara (Sophia Al Barakbah) telah terlepas ke sebuah empangan. Bagaimanapun, empangan tersebut yang telah tercemar dengan bahan kimia menyebabkan Abu berubah lebih besar menjadi raksasa. Kemudian Zaara bersama rakannya iaitu Sofiyan (Jaa Suzuran) dan Zidan (Zalif Sidek) bergabung tenaga serta berusaha untuk menyelamatkan Abu dari serangan pihak berkuasa yang mahu menghapuskan binatang tersebut setelah berubah menjadi raksasa.

Bunga, Misha Omar & Tracie Sinidol Kuasai Carta Gempak Most Wanted Minggu Ini!

Gempak Most Wanted menyaksikan pelbagai nama hebat mendominasi carta trending.

Dalam kategori video muzik, Tak Tidur Malam nyanyian Bunga mengungguli senarai video muzik, manakala Misha Omar dengan Break meraih tempat pertama lagu trending.


Dunia pencipta digital turut meriah dengan Eima Safuan (Beauty & Fashion), Bella Khan (Lifestyle), Steph Beauty (Entertainment) dan Johan Ghazali (Sports) menduduki takhta masing-masing.

Untuk hos digital, Farhan Mazlan mengetuai senarai bersama nama besar seperti Datuk Rosyam Nor dan Datuk Aznil Nawawi. Sementara itu, drama Setia Itu Mahal terus menjadi pilihan nombor satu penonton dan Tracie Sinidol pula dinobatkan sebagai selebriti paling trending minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Tak Tidur Malam - Bunga
2. Tanya Tuhan - Yonnyboii, Malique
3. Kisah Penuh Kecewa - Ernie Zakri, Anggi Marito
4. Laraga Muntaha - K.O.I
5. Beri Sedikit Waktu - Khai Bahar

TOP 5 Lagu Trending


1. Break - Misha Omar
2. KOPI - Nazu, Fahimi
3. Aku Bukan Narsisis - Hazama
4. Menamakanmu Cinta - Dato' Sri Siti Nurhaliza, Ade Govinda
5. Arah Cinta Sejati - Fadhilah Intan & Aina Abdul

TOP 5 Selebriti Trending

1. Tracie Sinidol
2. Zarif Ghazzi
3. Andy Teh
4. Meerqueen
5. Jazmy Juma

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Johan Ghazali
2. Dibo
3. Sekys
4. Ankel S4m
5. Khalish



Magik Rompak Sentuhan Magis Adrian Teh



Pengarah prolifik Adrian Teh kembali mencetus fenomena dengan filem terbarunya Magik Rompak, yang menerima sambutan luar biasa sejak ditayangkan minggu lalu.

Dikenali dengan kejayaan PASKAL, Wira dan MALBATT, Adrian kali ini menggabungkan aksi, jenayah dan fantasi ilusi dalam sebuah naskhah segar bertaraf antarabangsa.

Kejayaan ini diraikan menerusi Malam Gala meriah di IOI City Mall bersama barisan pelakon popular serta kerjasama strategik bersama GSC dan Touch 'n Go eWallet yang memperkenalkan kempen interaktif dan promosi eksklusif.

Magik Rompak mengisahkan Hadi, bekas ahli silap mata yang menyertai kumpulan pencuri bagi merompak kalung legenda Hati Kesuma daripada hartawan korup. Dengan helah silap mata, misi mereka digugat oleh pengkhianatan dan ketamakan, memaksa Hadi berjuang menyelamatkan diri serta kumpulannya.



Nadhif Basalamah Terharu Sokongan Rakyat Malaysia, 'Penjaga Hati' Jadi Fenomena

Penyanyi Indonesia, Nadhif Basalamah berbesar hati apabila lagu ciptaannya iaitu Penjaga Hati mendapat sambutan dalam kalangan pendengar di Malaysia. Menurut Nadhif, Penjaga Hati banyak menaikkan namanya sejak bergelar penyanyi pada tahun 2018.

"Lagu Penjaga Hati buat saya bertemu dengan ramai orang, termasuk dari luar Jakarta. Ramai yang kenal saya daripada lagu itu," katanya.

Nadhif berkata demikian sewaktu Konsert Nadhif Basalamah – Menjaga Hati Asia Tour 2025 Live in Kuala Lumpur di The Exchange Hall, baru-baru ini. Dalam pada itu, Nadhif juga akui terharu dengan sikap keprihatian rakyat Malaysia yang membantu warga Indonesia sewaktu menghadapi situasi sukar.

Berlangsung selama dua jam, Nadhif menghiburkan peminat dengan menyanyikan 19 buah termasuklah lagu hit seperti Bergema Untuk Selamanya, Jatuh Cinta Lagi, Tiba-tiba Jumaat Lagi dan Penjaga Hati. Konsert itu turut dimeriahkan dengan kemunculan Aziz Harun dan Aisha Retno menyanyikan single terbaharu mereka, Kota Ini Tak Sama Tanpamu yang telah memperoleh satu juta penstriman.

Sebelum mengakhiri persembahan, Nadhif berharap dalam kembali ke Malaysia dan menghiburkan peminat dengan muzik yang menyentuh hati rakyat serantau. Selain Kuala Lumpur, Nadhif turut dijadualkan menghiburkan peminat di Singapura sebagai salah satu destinasi untuk konsert jelajah Asia Tenggara.

Chloe Lim Dinobat Miss Universe Malaysia 2025, Sedia Galas Cabaran Di Thailand


Bagi Chloe, kemenangan tersebut bukan sekadar rezeki tetapi juga sebuah impian besarnya yang kini sudah menjadi kenyataan.

Dalam pada itu, Anak jati Kuala Lumpur ini akui bersedia untuk memberikan sepenuh komitmen bagi membawa nama Malaysia di pentas antarabangsa, Miss Universe 2025, yang dijadual berlangsung di Thailand pada November nanti.

Menurut Chloe, tanggungjawab itu amat besar selepas wakil Malaysia tahun lalu, Sandra Lim, berjaya mencipta sejarah dengan menempatkan diri dalam Top 30 Miss Universe 2024 di Mexico.

"Dalam tempoh dua bulan ini, saya harap dapat mempersiapkan diri dengan sebaik mungkin untuk benar-benar mewakili Malaysia di pentas dunia. Sudah tentu untuk pertandingan ini, terdapat aspek-aspek yang perlu diperhalusi dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk menang."

"Oleh itu, saya pasti akan memberikan komitmen 100 peratus dari segi fizikal, mental, dan emosi untuk bersedia bagi semua aspek," katanya.



Keretapi Sarong 2025 Bawa Suasana Meriah, Peserta Anggap Wajib Hadir Setiap Tahun

Seperti biasa, Keretapi Sarong adalah acara yang dinanti-natikan rakyat Malaysia setiap kali kita bakal menyambut Hari Malaysia. Acara edisi ke-9 ini bukan sahaja dapat memperkuatkan perpaduan rakyat Malaysia namun dapat menonjolkan keunikan dan warisan Malaysia melalui pemakaian dan tarian.

Antara aktiviti menarik yang turut mewarnai acara ini ialah joget lambak, cabutan bertuah, persembahan artis dan banyak lagi. Penyanyi, Aina Abdul turut menyorot perhatian tetamu Keretapi Sarong 2025 selepas membuat kemunculan istimewa di acara tersebut.

Pada acara tersebut, Aina Abdul hadir untuk mengetuai bacaan ikrar tersebut bersama ribuan peserta acara berkenaan di RainTree Plaza, TRX, Kuala Lumpur pada Sabtu. Dalam pada itu, Aina turut menghiburkan peserta yang hadir dengan tiga buah lagu iaitu ASEAN, Warisan dan Standing In The Eyes Of The World nyanyian asal Ella.

Selain Aina turut sama menjayakan Keretapi Sarong 2025 ialah Aizat Amdan, Bunga, Wany Hasrita, Ain Edruce dan Fikry Ibrahim. Rata-rata peserta meluahkan rasa teruja mereka dan menyifatkan acara ini adalah kesempatan yang amat baik bagi memupuk rasa cinta akan negara dan juga menyemarakkan lagi nilai patriotik dalam diri.

AIM24: Lagu Terbaik Jadi Milik Aina Abdul, Siti Nurhaliza Penerima Anugerah Sri Wirama

Anugerah Industri Muzik (AIM) ke-24 menyaksikan lagu ciptaan penyanyi dan komposer, Aina Abdul iaitu Jangan Mati Rasa Itu (JRMI) dinobat sebagai Lagu Terbaik.

Dalam Anugerah Sama, Aina turut merangkul tiga lagi anugerah iaitu Lagu Pop Terbaik, Vokal Wanita Terbaik, dan Rakaman Album Terbaik menerusi Album Imagi Deluxe Edition.

Sementara itu, Dayang Nurfaizah pula memenangi Album terbaik menerusi Album Belagu II.

Malam kemuncak AIM24 turut menjadi saksi kemenangan pertama Daiyan Trisha selepas 12 tahun bergelar penyanyi.

Daiyan merupakan pemenang bagi kategori Lagu Inggeris Terbaik menerusi My Home Is In Your Arms yang melayakkannya membawa pulang wang tunai RM50,000.

Paling manis apabila Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza diumumkan sebagai pemilik trofi Anugerah Sri Wirama yang juga merupakan anugerah pencapaian sepanjang hayat buat mana-mana artis dan penggiat belakang tabir.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Susah Nak Lulus Pinjaman Rumah? Ini Perkara Anda Perlu Tahu

Ramai orang nak beli rumah tapi kerap kecwa bila permohonan pinjaman mereka ditolak bank.

Pendidik kewangan, Faiz Azmi berkongsi beberapa sebab utama kenapa perkara ini berlaku dan apa yang boleh dibuat untuk meningkatkan peluang lulus.

Menurut Faiz, salah faham biasa ialah orang ingat rekod kosong atau "bersih" lebih mudah lulus.

Hakikatnya, kalau kita tak pernah ada sebarang rekod pinjaman dalam sistem seperti CCRIS atau CTOS, bank akan ragu-ragu sama ada kita mampu bayar ansuran bulanan.

Jadi lebih baik ada rekod pinjaman kecil (dan dibayar cantik) berbanding tiada rekod langsung.

Satu lagi faktor besar ialah Debt Service Ratio (DSR) – iaitu nisbah antara pendapatan dengan hutang bulanan.

Kalau DSR terlalu tinggi, bank akan rasa risiko kita tak mampu bayar balik pinjaman rumah.

Cara terbaik adalah selesaikan hutang-hutang lain dahulu sebelum mohon pinjaman perumahan.

Pinjaman rumah bukan sekadar tentang gaji besar. Bank nak tengok disiplin kita urus hutang, jadi anda perlu jaga rekod kredit, kawal DSR dan pastikan kewangan dalam keadaan stabil sebelum mohon. Itu kuncinya untuk tingkatkan peluang pinjaman rumah diluluskan.





Terengganu Tops Malaysia's Happiness Index

According to the Malaysian Happiness Index, Terengganu, along with Johor and Negeri Sembilan, ranks as the happiest state in Malaysia with a score of 8.64.

Kuala Lumpur, Selangor, Penang, and Labuan are among the lowest scoring states. The overall national happiness level stands at 7.60.

Women reported being slightly happier than men, and teens aged 15-19 are the happiest age group.



Honouring Malaysians Lost In 9/11 Tragedy

On the 24th anniversary of the September 11 attacks, Malaysia pays tribute to three of its citizens who tragically lost their lives in the World Trade Center.

Vijayashanker Paramsothy, who was just 23, worked as an accountant on the 103rd floor of the North Tower; Khoo Sei Lai, 38, was an assistant vice president at Fiduciary Trust International on the 90th floor of the South Tower; and Ang Siew Nya, 37, a newlywed, was employed at AON Corporation on the 105th floor of the South Tower.

Each of them left behind grieving families and unfulfilled dreams, and their stories continue to remind Malaysians of the human cost of that dark day in history.



Malaysia Decriminalises Suicide to Save Lives

Malaysia has officially enforced an amended law to decriminalise suicide in conjunction with World Suicide Prevention Day 2025, aiming to reduce stigma and encourage people to seek help.

While suicide itself is no longer a crime, instigating suicide or influencing vulnerable groups remains punishable under the Penal Code.

The law also introduces Crisis Intervention Officers from enforcement agencies who can escort individuals who attempt suicide to psychiatric hospitals under the Mental Health Act 2001.

Additionally, most government and university hospitals are being gazetted as psychiatric facilities, marking a major step toward prevention and mental health support.

Read more at www.rojakdaily.com.